



قجابت ستيا وسها كراجا ن جوهر بهاكين قشوروسن

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR, BAHAGIAN PENGURUSAN,
ARAS 1, BANGUNAN DATO' JAAFAR MUHAMMAD,
KOTA ISKANDAR, 79503 ISKANDAR PUTERI, JOHOR

Telefon: Pejabat Am: 07-266 6070/71

Faks: 07-290 9955 (TSUK)/07-290 9022 (Pentadbiran)/07-290 8077 (Kewangan)

Laman Web: www.johor.gov.my/sukj



SUKJ. 100-10/3 (17)

4 Januari 2017

Semua Ketua Jabatan Negeri/ Persekutuan
Semua Badan-Badan Berkanun Negeri/ Swasta
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor
Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan

YB Dato'/ Tuan/ Puan,

PROTOKOL PENGGANTUNGAN GAMBAR POTRET RASMI DIRAJA

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa masih terdapat kesilapan dalam protokol penggantungan gambar potret rasmi DiRaja di beberapa Jabatan/ Agensi di Negeri Johor. Oleh itu, YB Dato'/ Tuan/ Puan adalah dimohon merujuk kepada lampiran yang disertakan berkaitan gambar potret rasmi DiRaja serta protokol penggantungan gambar tersebut.

3. Sukacita dimaklumkan pembekal rasmi yang dilantik untuk mencetak, mengedar dan memasarkan gambar potret rasmi Kerabat DiRaja Johor adalah seperti berikut:

JVP Production
No. 22 Jalan Bakti 33
Taman Mutiara Rini
81300 Skudai, Johor
No Tel/ Faks : 07-557 2653
No H/P : 019-744 3084 (Tuan Haji Jumaat)

4. Harga yang ditetapkan bagi sekeping potret gambar DiRaja bersama bingkai adalah berharga RM150.00 sahaja.

Sekian, untuk makluman dan tindakan YB Dato'/ Tuan/ Puan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(HAJI AMRAN BIN A RAHMAN)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)




b.p. Setiausaha Kerajaan Johor


"PENYAMPAIAN BERKESAN RAKYAT SEJAHTERA"

PROTOKOL PENGGANTUNGAN GAMBAR POTRET RASMI DIRAJA

1. GAMBAR POTRET RASMI DIRAJA

Di bawah adalah gambar potret rasmi yang telah diperkenan untuk digantung secara rasmi di bangunan-bangunan kerajaan dan swasta.


Gambar Potret Rasmi DiRaja	
	<p>Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim</p>
	<p>Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah Permaisuri Johor</p>
	<p>Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim Tunku Mahkota Johor</p>



Yang Mulia Che' Puan Khaleeda Binti
Bustamam

2. PROTOKOL PENGGANTUNGAN GAMBAR POTRET DIRAJA

Gambar Potret Rasmi DiRaja berukuran 16" x 24" hendaklah digantung bersama iaitu gambar potret rasmi Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim, Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor dan Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor serta Yang Mulia Che' Puan Khaleeda Binti Bustamam sebagaimana susunan berikut:-



3. ATURAN PENGGANTUNGAN GAMBAR POTRET DIRAJA

- 3.1 Gambar potret Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Johor diletak di tengah-tengah sebelah atas antara Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor dan Yang Mulia Che' Puan Khaleeda Binti Bustamam.
- 3.2 Gambar potret Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor dan Yang Mulia Che' Puan Khaleeda Binti Bustamam adalah ke bawah sedikit lebih kurang empat (4) ke lima (5) inci dari gambar potret Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Johor.
- 3.3 Kedua-dua gambar potret Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor dan Yang Mulia Che' Puan Khaleeda Binti Bustamam digantung sama tinggi.
- 3.4 Jarak sisi di antara gambar potret DiRaja adalah 1 inci.

4. TARIKH KUATKUASA

Berkuatkuasa serta merta dari tarikh surat dikeluarkan.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
Bahagian Pengurusan
04 Januari 2017